

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP SENAT (JKTS)
PENGAJIAN SISWAZAH BIL. 5 (2005/2006)

Tarikh : 14 & 23 Disember 2005
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Sekolah Pengajian Siswazah

Senarai Kehadiran:

Wakil Senat

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 1. | Profesor Dr. Ahmad Kamal b. Idris | - | Timbalan Naib Canselor (Akademik &) Pengantarabangsaan)/Pengerusi |
| 2. | Profesor Dr. Ahmad bin Darus | - | Fakulti Kejuruteraan Elektrik/Wakil Senat |
| 3. | Profesor Dr. Mohd. Ibrahim Seenii Mohd | - | Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi/Wakil Senat |
| 4. | Profesor Dr. Rahmalan bin Ahamad | - | Sekolah Pengajian Siswazah |

Ahli Fakulti

- | | | | |
|-----|--|---|---------------------------------------|
| 5. | Profesor Dr. Mohd. Marsin bin Sanagi | - | Fakulti Sains |
| 6. | Profesor Ir. Dr. Azhar bin Dato' Abd. Aziz | - | Fakulti Kejuruteraan Mekanikal |
| 7. | Profesor Dr. Arshad bin Ahmad | - | Fakulti Kej. Kimia & Kej. Sumber Asli |
| 8. | Profesor Dr. Awaluddin b. Mohamed Shaharoun
(Tidak hadir dengan maaf pada 14/12/05) | - | Pusat Perniagaan Teknologi Termaju |
| 9. | Profesor Dr. Ismail bin Rejab .
(Tidak hadir dengan maaf pada 14/12/05) | - | Sekolah Perniagaan Antarabangsa |
| 10. | Profesor Dr. Ir. Hasanan b. Md. Nor
(Hadir pada 23/12/05) | - | Fakulti Kejuruteraan Awam |
| 11. | Profesor Dr. Supian b. Ahmad
(Hadir pada 23/12/05) | - | Fakulti Alam Bina |
| 12. | Prof. Madya Ir. Dr. Wahid bin Omar | - | Fakulti Kejuruteraan Awam |
| 13. | Prof. Madya Dr. Mohd. Hamdan bin Ahmad | - | Fakulti Alam Bina |
| 14. | Prof. Madya Dr. Md. Nor bin Bakar
(Tidak hadir dengan maaf pada 14/12/05) | - | Fakulti Pendidikan |

3.0 Perkara Berbangkit

3.1 Kertas Kerja Mewujudkan Program Sarjana Sains Pengurusan Projek

Perkara ini masih dalam tindakan.

Tindakan : BATC

3.2 Keputusan Pemeriksa Luar

- Yazid b. Mohamad

Mesyuarat dimaklumkan pemeriksa luar bersetuju menyemak semula. Pengerusi mohon pihak SPS dan FKE membuat tindakan susulan supaya JKTS dapat memberi keputusan dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan : SPS & FKE

3.3 Cadangan Tambahan Matapelajaran Elektif Kursus Sarjana Pengurusan (Teknologi) - FPPSM

Mesyuarat dimaklumkan kertas kerja ini masih dalam tindakan fakulti.

Tindakan : FPPSM

3.4 Bengkel Pelan Tindakan 2006-2010 Pengajian Siswazah

Mesyuarat dimaklumkan bengkel tersebut telah diadakan pada 16-18 November 2005 di Hotel Renaissance, Melaka. Pengerusi mohon SPS mengatitkan satu perbincangan khas untuk memperhalusi hasil bengkel tersebut.

Tindakan : SPS

3.5 Cadangan Peperiksaan Lisan Kali Kedua

- Berhannuddin bin Mohd Salleh

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pemeriksa luar telah bersetuju untuk menyemak tesis untuk kali kedua.

Tindakan : SPS & FP

5.2 Cadangan Perubahan Pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana

Mesyuarat bersetuju melaksanakan terus cadangan Perubahan Pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana di peringkat fakulti berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006. Pihak fakulti akan diberi taklimat mengenai perkara ini oleh SPS.

Tindakan : SPS & Fakulti

5.3 Cadangan Pengstruktur Semula Program-Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Di Sekolah Perniagaan Antarabangsa (IBS)

Pihak IBS diminta menyemak semula kertas kerja ini mengikut 14 minggu pertemuan untuk dibincangkan dalam mesyuarat akan datang.

Tindakan : IBS

5.4 Cadangan Mewujudkan Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Eksekutif (Keusahawanan-Tekno)

Perbincangan kertas kerja ini ditangguhkan.

Tindakan : IBS

Mesyuarat tamat pada jam 1.15 tengahari dengan bacaan surah *Al-'Asr*.

Kelulusan	
Makluman	✓

**CADANGAN PERUBAHAN PENGURUSAN
PEPERIKSAAN TESIS SARJANA**

	Disediakan Oleh	Disemak Oleh
Nama	PROF MADYA DR HISHAMUDDIN BIN JAMALUDIN	PROFESOR DR. RAHMALAN BIN AHAMAD
Jawatan	Pengurus Akademik (Program Penyelidikan) Sekolah Pengajian Siswazah	Dekan Sekolah Pengajian Siswazah
Tandatangan		
Tarikh	22 November 2005	22 November 2005

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

CADANGAN PERUBAHAN PENGURUSAN PEPERIKSAAN TESIS SARJANA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan kertas kerja ini ialah untuk memaklumkan Senat Universiti mengenai perubahan Pengurusan Peperiksaan Tesis Program Sarjana Secara Penyelidikan dan dilaksanakan di setiap fakulti seperti yang dinyatakan dalam Perkara 5.0 di bawah.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Proses peperiksaan Tesis Sarjana selama ini diuruskan oleh Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) mengikut prosedur berikut:

- i) Pelajar menghantar Notis Menghantar Tesis tiga (3) bulan sebelum tarikh beliau dijangka menyerahkan Tesis untuk tujuan peperiksaan;
- ii) SPS melantik Panel Pemeriksa (Pemeriksa Luar dan Pemeriksa Dalam) setelah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU);
- iii) Pelajar menyerahkan tesis untuk peperiksaan di SPS setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- iv) Tesis dihantar kepada Panel Pemeriksa dan diberi tempoh (6) enam minggu untuk menilai tesis;
- v) SPS menetapkan tarikh peperiksaan lisan setelah menerima semua laporan Pemeriksa;
- vi) Dekan SPS akan menyemak semua laporan pemeriksa dan membuat keputusan samada Pemeriksa Luar perlu atau tidak hadir semasa sesi Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*);

- vii) SPS menghubungi Panel Pemeriksa untuk menetapkan tarikh *Viva*;
- viii) Di akhir sesi *Viva*, Pengerusi akan memaklumkan kepada pelajar keputusan bersama Panel Peperiksaan Lisan;
- ix) SPS memaklumkan kepada pelajar secara bertulis keputusan Peperiksaan Lisan dan sebarang pembetulan terhadap Tesis (jika ada);
- x) Jika ada pembetulan, pelajar perlu membuat pembetulan tersebut dan menyerahkan semula Tesis kepada SPS dalam tempoh yang ditetapkan untuk pengesahan oleh Panel Pemeriksa;
- xi) SPS menghantar Tesis yang diperbetulkan kepada Pemeriksa untuk mendapatkan pengesahan pembetulan;
- xii) Pemeriksa mengembalikan Tesis serta borang pengesahan pembetulan kepada SPS;
- xiii) SPS menyerahkan Tesis kepada pelajar untuk dijilid jika Pemeriksa telah berpuas-hati dengan pembetulan yang dibuat;
- xiv) Jika Pemeriksa tidak berpuas-hati dengan pembetulan yang dibuat, langkah ix) ke xii) diulang;
- xv) SPS menyediakan dokumen peperiksaan untuk dibawa ke mesyuarat JKTS untuk tujuan perakuan penganugerah ijazah.

3.0 ISU DAN PERMASALAHAN

3.1 Pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana secara berpusat di Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) sebagaimana diterangkan dalam Perkara 2.0 di atas menyebabkan tempoh Peperiksaan Tesis yang panjang. Jadual 1 menunjukkan sebahagian besar pelajar terpaksa menunggu sehingga lima (5) bulan dari tarikh menyerahkan Tesis sebelum Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) dapat dijalankan. Sementara Jadual 2 pula menunjukkan kebanyakan pelajar terpaksa menunggu antara 6 – 7 bulan dari tarikh menyerahkan Tesis sebelum lulus dan dianugerahkan ijazah.

3.2 Antara isu utama yang dikenalpasti menyumbang kepada tempoh menunggu yang panjang adalah:

- a) Proses peperiksaan yang melibatkan Pemeriksa Luar. Pengurusan peperiksaan mengambil masa lebih panjang kerana melibatkan ramai pihak dan tarikh *Viva Voce* hanya dapat ditentukan dengan persetujuan Pemeriksa Luar.
- b) Bilangan Tesis yang banyak (20 – 30 tesis setiap bulan) perlu dikendalikan oleh SPS. Pemantauan proses peperiksaan dijangka lebih mudah dilaksanakan dengan bilangan Tesis yang lebih kecil di setiap fakulti,
- c) Pengalaman SPS dalam menguruskan peperiksaan mendapati pemantauan adalah penting. Pada masa kini SPS perlu menguruskan sebanyak 20 - 30 *Viva* sebulan. Dengan bilangan *Viva* dan proses peperiksaan lain yang perlu diuruskan oleh staf SPS, pemantauan ini agak sukar dilakukan secara berkesan.

Jadual 1: Menunggu peperiksaan lisan

	2004	2005 (Jan – Mei)
<i>Viva</i> diadakan dalam masa < 3 bulan	12.1%	14.7%
<i>Viva</i> diadakan dalam masa < 5 bulan	61.5%	82.4%
Tempoh Purata <i>Viva</i> diadakan	4.7 bulan	4.0 bulan
Paling cepat <i>Viva</i> diadakan	1.2 bulan	2 bulan
Paling lambat <i>Viva</i> diadakan	9.1 bulan	7.6 bulan
Bilangan calon	156	34

Jadual 2 : Menunggu penganugerahan

	2004	2005
Lulus untuk anugerah dalam masa < 3 bulan	3.2%	3.1%
Lulus untuk anugerah dalam masa < 6 bulan	43.6%	59.3%
Purata tempoh untuk lulus anugerah	7.3 bulan	5.8 bulan
Paling cepat tempoh untuk lulus anugerah	1.3 bulan	2.9 bulan
Paling lambat tempoh untuk lulus anugerah	16.3 bulan	9.4 bulan
Bilangan lulus untuk anugerah	156	34

4.0 PENGURUSAN PEPERIKSAAN TESIS SARJANA DI LAIN-LAIN UNIVERSITI

- 4.1 Berdasarkan pengalaman *Graduate Faculty* UTM, kebanyakan urusan peperiksaan program penyelidikan di universiti luar negara terutama di UK diuruskan oleh jabatan masing-masing.
- 4.2 Terdapat universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM) yang melaksanakan peperiksaan tesis tanpa kehadiran pemeriksa luar. Pemeriksa luar hanya diperlukan untuk membuat laporan dan panel pemeriksa yang ditubuhkan pada peringkat jabatan membuat keputusan. Di Universiti Sains Malaysia (USM) pula, pemeriksa luar hanya dijemput hadir semasa *Viva* untuk kes tertentu sahaja dan pengesahan pembetulan semuanya dibuat secara dalaman sahaja.
- 4.3 Di Australia, penilaian tesis lazimnya dilakukan oleh 3 orang Pemeriksa Luar yang membuat laporan penilaian dan tiada *viva*.

5.0 PERUBAHAN PENGURUSAN PEPERIKSAAN TESIS SARJANA

- 5.1 Matlamat perubahan pengurusan peperiksaan tesis Sarjana ialah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya supaya pelajar boleh diberi kepastian bahawa tempoh menunggu bagi mereka menduduki Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) adalah tiga hingga empat (3 - 4) minggu dan lulus dalam tempoh dua hingga tiga (2 - 3) bulan dari tarikh mereka menyerahkan tesis, tertakluk kepada pembetulan tesis yang perlu dilakukan oleh pelajar selepas *Viva Voce*. Bagi mencapai matlamat tersebut perubahan perlu dilakukan terhadap pengurusan peperiksaan tesis sarjana sebagaimana berikut:
 - 5.1.1 Pelajar menghantar notis menghantar tesis tiga (3) bulan sebelum beliau menyerahkan tesis untuk peperiksaan;
 - 5.1.2 Fakulti mencadangkan kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) calon-calon Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar (jika perlu) sebagaimana amalan sedia ada.

- 5.1.3 Satu (1) atau Dua (2) orang Pemeriksa Dalam dan satu (1) orang Pemeriksa Luar dilantik bagi peperiksaan tesis Sarjana. Pemeriksa Luar yang dilantik, lazimnya hanya dikehendaki menilai tesis tanpa perlu menghadiri Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) pelajar.
- 5.1.4 Pelajar menghantar Tesis yang telah disahkan oleh Penyelia ke Fakulti untuk tujuan peperiksaan;
- 5.1.5 Had ketebalan Tesis sarjana untuk tujuan peperiksaan tidak melebihi 150 halaman. Jika ada bahan tambahan yang ingin dimasukkan melebihi 150 halaman, ini hendaklah disediakan secara berasingan dan perlu mendapat kelulusan Panel Pemeriksa semasa Peperiksaan Lisan;
- 5.1.6 Para Pemeriksa Tesis yang dilantik diberi masa tiga (3) minggu untuk menyediakan Laporan Pemeriksaan;
- 5.1.7 Tanggungjawab Pemeriksa Tesis ialah memastikan bahawa Tesis telah mencapai tahap kesarjanaan yang dikehendaki dan memberi teguran secara umum sahaja mengenai kelemahan aspek lain Tesis berkenaan.
- 5.1.8 Panel Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) terdiri daripada Pemeriksa Dalam, Pengerusi dan Penyelia. Pemeriksa Luar, tidak dikehendaki hadir dalam Sesi Peperiksaan Lisan (*Viva Voce*) kecuali atas sebab-sebab tertentu dan diputuskan oleh Dekan Sekolah Pengajian Siswazah;
- 5.1.9 Proses ~~semakan~~ pembetulan Tesis (jika ada) dilaksanakan secara dalaman oleh Penyelia atau Pemeriksa Dalam sahaja;
- 5.1.10 Semua proses peperiksaan Tesis Sarjana dilaksanakan di fakulti dan keputusan peperiksaan dibentangkan ke Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah oleh wakil Fakulti.
- 5.2 Seajar dengan perubahan pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana, pengurusan dan sistem sokongan pengajian secara penyelidikan di fakulti perlu dipertingkatkan.
- 5.3 Carta Alir proses Peperiksaan Tesis Sarjana ditunjukkan dalam Lampiran 1.

6.0 PERAKUAN JAWATANKUASA TETAP SENAT PENGAJIAN SISWAZAH

- 6.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Pengajian Siswazah (JKTS) Bil. 4 (2005/2006) pada 26 Oktober 2005 telah meneliti dan memperakukan cadangan Perubahan Pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana sebagaimana dalam Perkara 5.0 di atas untuk dimaklumkan kepada Senat Universiti.

7.0 MAKLUMAN

Senat dengan hormatnya diminta mengambil maklum tentang perubahan Pengurusan Peperiksaan Tesis Sarjana sebagaimana dinyatakan dalam Perkara 5.0 di atas berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006.

CARTA ALIR PENGURUSAN PEPERIKSAAN TESIS SARJANA DI FAKULTI

Penyerahan Tesis Untuk Peperiksaan

